

26 AUG 1997

Mohamed-Penyiaran

RAIS YATIM PENERUSI PANEL TETAPAN STANDARD PENYIARAN

KUALA LUMPUR, 26 Ogos (Bernama) -- Kerajaan bersetuju menubuhkan Panel Penasihat Penyiaran yang akan berperanan menetapkan standard yang perlu dipatuhi oleh semua stesen penyiaran tempatan bagi mewujudkan masyarakat bermaklumat di samping mengekalkan nilai-nilai murni.

Menteri Penerangan Datuk Mohamed Rahmat berkata panel itu yang akan dipengerusikan oleh bekas Menteri Penerangan Datuk Dr Rais Yatim, akan menjadi penasihat kepada menteri berhubung kandungan siaran yang patut disiarkan dan bukan sebagai pengawal industri penyiaran.

"Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah bersetuju dengan cadangan kementerian untuk mewujudkan panel itu bagi menghadapi era perkembangan penyiaran yang semakin mencabar kini," katanya kepada pemberita selepas mengadakan perjumpaan sejam dengan Naib Menteri Radio, Filem dan Televisyen China Tong Xianrong di Angkasapuri.

Tong mengetuai delegasi tujuh orang sedang dalam rangka lawatan lima hari ke Malaysia bermula semalam untuk mengadakan perbincangan mengenai pertukaran program penyiaran antara kedua-dua negara.

Mohamed berkata panel itu juga akan bertindak meneliti kedudukan semasa industri penyiaran untuk memberi nasihat mengenai bentuk perubahan yang perlu dilakukan dalam industri itu.

Panel itu akan meneliti isi kandungan penyiaran apabila Akta Penyiaran sedia ada dimansuhkan dan digantikan dengan Akta Penyatuan Multi Media.

"Mungkin undang-undang penyiaran sedia ada termasuk berhubung penapisan sudah tidak lagi apabila akta baru itu dikuatkuasakan kelak," katanya.

Tanpa menyebut bila rang undang-undang berkenaan akan dibentangkan di Parlimen, Mohamed berkata satu jawatankuasa khas sedang meneliti dan berbincang mengenai perkara itu.

Katanya dengan wujudnya Koridor Raya Multimedia dan dalam usaha memastikan masyarakat dapat mengikuti perkembangan mutakhir teknologi maklumat, kesesuaian bahan penyiaran akan menjadi masalah besar.

"Dengan itu kerajaan telah bersetuju mewujudkan panel itu dengan tujuan dapat menasihati menteri dan mengetahui sejauh mana perkembangan industri penyiaran yang harus berlaku di negara ini supaya matlamat menjadikan Malaysia sebagai negara maju pada tahun 2020 tercapai," katanya.

Mohamed berkata 10 anggota panel itu dipilih daripada pelbagai bidang dan latar belakang seperti pertubuhan bukan kerajaan, polis, institusi pendidikan tinggi dan pertubuhan wanita yang dapat memberikan nasihat menyeluruh dalam menentukan hala industri penyiaran negara.

Mengenai kejadian banjir di Kedah yang diakibatkan oleh tempas ribut "Zita", Mohamed selaku Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana dan Bantuan Negara berkata, jawatankuasa itu akan mengambil langkah-langkah perlu untuk membantu mangsa banjir terbabat.

Lima orang dilaporkan terkorban akibat banjir itu dan sebanyak 2,785 penduduk masih berada di tujuh pusat pemindahan di Kedah.

--BERNAMA

RHM MAI